

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 APRIL 2016

Nasihat Najib kepada Dewan Rakyat, Dewan Negara

Jangan jadi 'pak turut'

Um - 23/4/2016

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
dan **MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 APRIL

DATUK Seri Najib Tun Razak tidak mahu Dewan Rakyat dan Dewan Negara hanya menjadi pak turut atau 'rubber stamp' dalam membuat keputusan terutamanya dalam penggubalan undang-undang.

Kata Perdana Menteri, ini adalah kerana pandangan kedua-dua dewan perundangan itu banyak kali diambil kira oleh kerajaan.

Menurut beliau, selama ini juga, kerajaan ada menarik balik pindaan

undang-undang yang sudah dibentangkan di Parlimen.

"Oleh sebab itu, kita sangat hormat kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

"Ini juga membuktikan bahawa sistem demokrasi di negara ini berjalan dengan lancar," kata Perdana Menteri ketika berucap dalam Majlis Tamat Tempoh Perkhidmatan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Majlis Pelancaran Buku Yang Dipertua Dewan Negara Ke-16, di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia, Abu Zahar dan

menteri-menteri Kabinet.

Selain itu, hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak.

Abu Zahar yang juga Yang Dipertua Dewan Negara ke-16 merupakan seorang peguam yang pernah berkhidmat sebagai anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum menceburkan diri dalam bidang politik.

Karier politik beliau bermula apabila dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang kemudiannya dilantik menjadi Ketua UMNO Bahagian Kuala Pilah selama

14 tahun bermula 1987.

Beliau pernah dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada 1986 hingga 1995 sebelum menjadi Ahli Parlimen Kuala Pilah bermula 1990 hingga 1999.

Di dalam UMNO pula, beliau pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Disiplin UMNO sejak 13 Mei 2004 selain menjawat jawatan Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia.

Tambah Perdana Menteri, idea-idea dan pendapat yang berbeza dalam kedua-dua dewan perundangan itu merupakan sesuatu yang sihat.

Bagaimanapun, kata Najib, jika perbezaan itu terlalu ekstrem, hal itu boleh menyebabkan kedua-dua de-

wan perundangan berkenaan tidak lagi berfungsi dengan baik dan tersekat.

"Rang undang-undang penting juga tidak dapat dibentangkan jika berlaku perbezaan ekstrem," ujar beliau lagi.

Perdana Menteri turut memuji Abu Zahar yang berkhidmat dengan cemerlang sehingga Dewan Negara lebih menyerlah dan berprestij.

Beliau memberitahu, Abu Zahar mempunyai ketokohan sebagai Yang Dipertua Dewan Negara dengan ketegasannya yang kadangkala nampak garang.

"Abu Zahar bagaimanapun tetap adil dan seimbang dalam setiap keputusan yang dibuat sewaktu berkhidmat," katanya.